

Kita tidak bercadang menyekat import kereta — Mahathir

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang menyekat import kereta dari luar negeri dan jumlah import sekarang akan dikkekalkan.

Tetapi menurut Perdana Menteri kerajaan tidak akan membenarkan pembukaan kilang baru pemasangan kereta berikutan pelancaran projek kereta Malaysia.

Katanya, kilang memasang kereta yang sedia ada akan dibenarkan meneruskan perusahaan mereka dan paras import kereta dari luar negeri yang sedia ada akan dikkekalkan.

Tetapi sebarang pertambahan dalam permintaan untuk kereta akan dipenuhi dengan kereta buatan Malaysia, jelasnya ketika menjawab soalan tambahan anggota BN Balik Pulau, Encik Shamsuri Salleh di Dewan Rakyat semalam.

Perdana Menteri menambah, kerajaan juga akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan harga kereta buatan Malaysia akan lebih murah dari kereta import yang dipasang di negara ini.

Bentuk

Menurutnya, reka bentuk kereta buatan Malaysia itu adalah juga berbeza dari kereta yang diimport.

Dalam merangka reka bentuk kereta buatan Malaysia ini, kerajaan bukan sahaja mengambil kira pandangan dari pakar-pakar Jepun dan Institut Teknologi Mara tetapi juga mereka dari Britain, katanya.

Kepada soalan asal anggota DAP-Kota Melaka, Encik Lim Kit Siang, Perdana Menteri mensifatkan andaian kadar keupayaan minimum sesebuah kilang memasang kereta untuk mengeluarkan 100,000 unit setahun adalah kurang tepat.

Jika andaian ini benar, semua kilang pemasangan kereta di Malaysia tentu sudah mengalami kerugian yang besar kerana kilang yang terbesar di



Encik Lim Kit Siang

Malaysia hanya memasang paling lebih 25,000 unit kereta penumpang setahun.

Kedua sebarang menunjukkan sebaliknya, katanya.

Menurutnya, kadar 100,000 unit setahun dikehendaki jika jika 90-100 peratus dari kereta itu termasuk enjin dibuat oleh kilang itu atau pembekal dalam negeri. Manakala bakinya akan diimport sebagai CKD.

Kita juga tahu bahawa di Taiwan sebuah kilang mengeluarkan cuma 30,000 unit setahun walaupun kandungan tempatnya ialah 85 peratus, katanya.

Mengenai projek kereta Malaysia, Perdana Menteri berkata, ia bukan sahaja menguntungkan bahkan ia boleh menambah industri yang mengusahakan komponen-komponen.

Menurutnya projek ini bukan sahaja mementingkan berapa banyak peluang pekerjaan dapat diadakan, tetapi ianya juga mementingkan daya pengeluaran pekerja-pekerja.

Pertimbangan juga diberi kepada usaha meningkatkan tahap kemahiran kejuruteraan, teknologi, perkembangan industri sokongan dan seterusnya penyusunan semula industri kereta di Malaysia, jelasnya.

Sesungguhnya projek kereta Malaysia semalam menarik minat sebilangan besar anggota dewan dan pada beberapa ketika menggamatkan Dewan Rakyat, terutama berhubung dengan nama yang akan diberikan kepada kereta itu kelak.

Lapan anggota de-

wan bangun mengemukakan pertanyaan tambahan setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir selesai menjawab soalan asal ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang.

Semasa menjawab soalan tambahan Encik Lim, Perdana Menteri menjelaskan kerajaan pimpinannya sememangnya mengamalkan sikap terbuka tetapi ini tidak meliputi urusan perniagaan kita.

Dalam bidang perniagaan, kita mempunyai rahsia tertentu mengenai projek kereta Malaysia ini.

"Saya tidak berhasrat mengemukakan semua maklumat mengenainya takut nanti ahli yang berhormat itu akan berminat untuk membuka sebuah kilang kereta," jelasnya disambut gelak ketawa oleh anggota dewan.

Anggota BN-Pasir Puteh, Wan Najib Wan Mohamad kemudian menggamatkan dewan bila beliau meminta Perdana Menteri jangan menamakan kereta buatan Malaysia itu 'roket'.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5826
No. Penerimaan 153

Kepada pertanyaan penyokong kerajaan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, satu peraduan mencipta nama kereta Malaysia akan diadakan kelak bagi memilih nama yang sesuai untuk untknya.

Peraduan itu adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan ahli yang berhormat dari BN dan juga pembangkang bolehlah mengemukakan cadangan mereka, katanya disambut gelak ketawa.